

28/06/2003

Amerika lakukan apa saja untuk salahkan pihak lain

Prof Madya Dr Azmi Hassan

KRITIKAN agak keras Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap bangsa Eropah

yang diutarakan ketika Perhimpunan Agung Umno Ke-54 minggu lalu pasti mengundang pelbagai reaksi di dalam dan di luar negara.

Lidah pengarang akhbar yang beribu pejabat di Amerika Syarikat (AS), The

Asian Wall Street Journal, beberapa hari lalu menyelar ucapan Dr Mahathir

dengan menuduh ia sebagai cubaan meningkatkan populariti.

Ia satu tuduhan aneh kerana selama ini pun Dr Mahathir tidak pernah popular dengan media Barat disebabkan kelantangan Perdana Menteri mengkritik tindak-tanduk kerajaan Barat.

Jika hendak dikatakan Dr Mahathir ingin meraih populariti di kalangan ahli Umno, ia sukar diterima kerana beliau sememangnya popular bukan saja

dengan ahli Umno tetapi juga seluruh rakyat Malaysia.

Lebih aneh lagi ialah apabila akhbar berkenaan membuat andaian ucapan Dr

Mahathir itu akan menyukarkan lagi usaha menangani keganasan dengan Amerika.

Persepsi ini timbul kerana Amerika mempercayai bahawa usaha mereka menangani keganasan dengan keganasan adalah cara terbaik yang boleh dilakukan.

Kita tidak perlu pergi jauh menyelak lipatan sejarah untuk menentukan sama ada apa yang diperkatakan mengenai bangsa Eropah itu benar atau sebaliknya. Kita ambil contoh bangsa Eropah yang paling dominan ketika ini

iaitu Amerika.

Tindak-tanduk Amerika selepas peristiwa 11 September memperlihatkan dengan jelas sikap sebenar seorang pemimpin yang kejam dan ganas seperti yang digambarkan dalam ucapan Dr Mahathir.

Dengan menggunakan alasan memerangi keganasan yang menyebabkan kematian

lebih 3,200 rakyat yang tidak berdosa di New York dan Washington, pemimpin

terbabit telah mengorbankan puluhan ribu nyawa rakyat Afghanistan dan Iraq

yang tidak berdosa.

Sehingga hari ini masih tidak diketahui berapakah jumlah korban sebenar

rakyat kedua-dua negara yang diceroboh tetapi angka puluhan ribu adalah anggaran yang munasabah.

Pemimpin yang kejam menganggap korban rakyat Afghanistan dan Iraq sebagai perkara yang tidak dapat dielakkan. Pelbagai nama digunakan tetapi

yang paling digemari ialah melabelkan korban awam sebagai kemusnahan awam

(collateral damage).

Tetapi apabila ada pemimpin lain yang mengandaikan korban di New York dan Washington juga sebagai kemusnahan awam, ada yang melenting kerana tidak setuju dengan andaian itu. Pelbagai bentuk ugutan dan ancaman diberi

untuk mematahkan kritikan keras pemimpin Malaysia.

Begitu juga dengan andaian bangsa Eropah yang gemar menggunakan kekerasan untuk menakluki bangsa lain sudah tentu sukar diterima.

Tetapi sejarah membuktikan itulah hakikat sebenarnya. Bangsa ini bukan hanya setakat menafikan hakikat sebenar tetapi menuduh orang lain pula sebagai tidak siuman.

Amerika akan melakukan apa saja supaya kesalahan diletakkan di bahu negara lain, lebih-lebih lagi negara yang lantang mengkritik mereka.

Apabila pertubuhan hak asasi manusia, Amnesty International, mengeluarkan

laporan hak asasi, Amerika dan Israel dilabelkan sebagai negara paling kerap melanggar dan mencabuli hak berkenaan.

Penahanan tanpa bicara tahanan perang di Teluk Guantanamo adalah titik hitam rekod hak asasi manusia Amerika dan yang terbaru bagaimana rakyat Iraq diperlakukan di tanah air mereka sendiri juga menjadi penunjuk sikap

sebenar Amerika.

Untuk menidakkan laporan Amnesty International dan menutup keaiban pencabulan hak asasi di negara sendiri, Setiausaha Negara Amerika, Colin Powell, beberapa hari lalu melancarkan laporan dipanggil Bantuan Hak Asasi

dan Demokrasi 2002-2003.

Laporan ini mengandungi analisis setiap negara yang dikatakan mencabuli

hak asasi dan demokrasi dan juga langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan Amerika supaya negara lain mengamalkan demokrasi mengikut acuan mereka.

Paling ironis ialah negara yang paling kerap mencabuli hak asasi manusia

dan demokrasi mengamalkan dasar mengimport dan memaksa negara lain mengikut kehendak dan cara mereka.

Sebanyak 92 negara dikenal pasti dalam laporan Amerika dikatakan sebagai

negara yang paling kerap melanggar hak asasi manusia dan tidak mengamalkan

proses pemerintahan demokrasi.

Begitu aneh sekali apabila negara sekutu kuat mereka, iaitu Israel, tidak termasuk dalam senarai 92 negara walaupun Israel telah disenaraikan

oleh Amnesty International sebagai negara yang paling kerap melanggar hak

asasi manusia.

Begitulah sikap Amerika yang begitu berat sebelah hingga sesuatu yang nyata sengaja diputarbelitkan.

Apa yang berlaku di Iraq ketika ini dengan lebih 50 askar Amerika terkorban selepas Presiden Amerika mengisytiharkan peperangan Iraq tamat pada 1 Mei lalu, jelas memperlihatkan sikap mereka yang tidak mahu menerima hakikat sebenar.

Rakyat Iraq menganggap tentera Amerika sebagai penceroboh dan sebab itu

masih ada tentangan diberikan secara gerila hingga menyebabkan ramai

tentera Amerika terkorban.

Tetapi pentadbir Rumah Putih masih dengan pandangan bahawa tentera Amerika memasuki Iraq untuk membebaskan rakyat negara itu daripada cengkaman Saddam Hussein dan seterusnya mendemokrasikan Iraq.

Selagi Amerika masih tidak mahu menerima pandangan negara lain, selagi itulah bumi Iraq tidak akan aman dan selagi itulah korban tentera Amerika

akan bertambah setiap hari berlalu.

Rakyat Palestin juga sedang menerima nasib yang sama kerana Amerika tidak mahu mengiktiraf hak rakyat Palestin.

Bukan saja Amerika sengaja tidak mahu memahami keadaan hak asasi rakyat

negara lain dengan fikiran terbuka, malah hak asasi rakyat mereka sendiri

juga tidak dipedulikan.

Berselindung di sebalik memerangi keganasan, pelbagai undang-undang dan

akta diperkenalkan untuk menyekat kebebasan rakyat mereka.

Akta Patriot, umpamanya, membenarkan aktiviti pengintipan seperti pendengaran perbualan telefon, perolehan maklumat e-mel hingga kepada aktiviti pinjaman buku di perpustakaan oleh individu rakyat Amerika yang disyaki sebagai penganas dilakukan.

Masalah yang timbul dalam melaksanakan akta ini ialah hanya golongan tertentu rakyat mereka diberi perhatian, iaitu rakyat berketurunan Arab. Ramai rakyat mereka berketurunan Arab ditahan tanpa bicara gara-gara disyaki sebagai penganas.

Rakyat Amerika berkulit hitam yang digelar African-American juga ditindas dan tidak diberi hak asasi yang layak mereka terima.

Rakyat yang berketurunan African-American ini, walaupun tinggal di negara paling maju, mereka berada jauh di belakang dalam semua bidang, termasuk ekonomi, politik dan pendidikan.

Langkah affirmative action yang dilaksanakan di Amerika sama seperti keistimewaan Bumiputera yang dilaksanakan di Malaysia. Tujuannya adalah sama, iaitu memberi peluang kepada golongan yang tertinggal.

Tetapi Mahkamah Agung Amerika beberapa hari lalu melarang universiti di

sana menggunakan faktor bangsa sebagai salah satu kriteria kemasukan.

Dengan larangan ini, dijangkakan individu berkulit hitam Amerika lebih sukar melanjutkan pelajaran dan mengakibatkan golongan ini menjadi lebih jauh ketinggalan.

Begitulah keadaannya apabila pemimpin negara itu hanya melihat kebenaran

dari sudut pandangan yang sempit.

Apabila timbul pandangan yang bertentangan dan kritikan ditujukan kepada

mereka, dengan mudah mereka menyalahkan orang lain seolah-olah hanya mereka berada di pihak yang benar.